

17/01/2003

Umno Kelantan dirombak

Zulkifli Ali; Kadir Dikoh; Azman Mahmood

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam merombak Badan Perhubungan Umno Kelantan dengan melantik beberapa muka baru, termasuk bagi jawatan timbalan pengerusi, sebagai strategi untuk menawan semula Kelantan.

Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim, dilantik sebagai timbalan pengerusi menggantikan Datuk Annuar Musa, manakala Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Awang Adek Husin diumumkan sebagai bendahari.

Dengan itu, Annuar yang juga Ketua Umno Bahagian Peringat dan bekas menteri Pusat, kini tiada jawatan dalam Badan Perhubungan Umno negeri. Dr

Awang Adek yang juga Timbalan Ketua Umno Bachok dilantik bendahari bagi menggantikan Datuk Dr Nik Hussin Abdul Rahman.

Timbalan Ketua Bahagian Tumpat, Mat Nawawi Mat Jusoh pula, dilantik sebagai Setiausaha Umno Kelantan menggantikan Ketua Umno Kubang Kerian, Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob.

Timbalan Ketua Umno Peringat, Mohd Alwi Che Ahmad, pula diumumkan sebagai Ketua Penerangan Umno negeri, menggantikan Ketua Umno Machang, Datuk Ismail Mamat. Bagaimanapun, Datuk Mustapa Mohamed kekal sebagai Pengerusi Perhubungan negeri.

Perdana Menteri mengumumkan rombakan itu pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Kelantan.

Sebelum itu, beliau yang juga Presiden Umno mengadakan pertemuan lebih sejam dengan ahli Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Kelmarin, Perdana Menteri berjanji Umno akan berubah dan kepemimpinannya

turut diubah serta berikrar untuk membawa lebih banyak pembangunan ke Kelantan jika Barisan Nasional (BN) berjaya menewaskan Pas Kelantan.

Ini adalah perubahan kedua pucuk pimpinan Umno Kelantan dalam tempoh sembilan bulan selepas lawatan kerja Dr Mahathir ke negeri ini pada 12 April tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, sebagai Presiden Umno, beliau berkuasa melantik pengerusi badan perhubungan Umno negeri dan timbalannya, manakala jawatan lain dilantik Mustapa.

"Saya dapati semua bersetuju dan akan beri sokongan," katanya. Pada pertemuan itu, Annuar dan semua ketua Umno bahagian lain turut hadir.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir mengumumkan pelantikan Zaid, manakala, Mustapa, yang turut hadir, mengumumkan pelantikan Mat Nawawi, Mohd Alwi dan Dr Awang Adek.

Dr Mahathir berkata, rombakan itu bertujuan mewujudkan gandingan kepimpinan antara muka baru dan lama supaya Umno Kelantan terus mantap

dan mendapat sokongan padu rakyat.

"Saya fikir sekarang rakyat Kelantan beri sokongan tetapi kita perlu

memperbaharui kepemimpinan dari semasa ke semasa. Ini bukan bermakna pemimpin lama tidak dapat menjalankan tugas, tetapi kita kena beri peluang orang baru," katanya.

Ditanya adakah pelantikan Zaid itu hasil cadangan Umno Kelantan, Dr Mahathir berkata itu adalah pilihan beliau. Mesyuarat itu katanya, turut membincangkan strategi Umno dan Barisan Nasional memenangi pilihan raya umum akan datang.

Terdahulu ketika berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Lanas, Jeli, Perdana Menteri berkata, setiap pemimpin perlu bersedia untuk berundur dan memberi peluang kepada orang baru berkhidmat kepada rakyat.

"Kita tak tamak kuasa dan kita tahu bila patut undur, kita undur. Bila kita boleh berkhidmat, kita berkhidmat. Sebab itu, orang umur dah 77 tahun, undurlah dok tunggu buat apa lagi yang lain tu.

"Kalau tak sampai 77 (tahun) terimalah bahawa kita perlu bagi tempat kepada orang lain pula supaya mereka juga berpeluang untuk berkhidmat untuk rakyat. Kalau pun tak dipanggil Yang Berhormat, kita akan panggil Yang Berbahagia. Apa nak sangat YB, YAB... Yang Amat Berbahagia pun okeylah.

"Janganlah nak yang itu (YB) nak kereta besar, ni tak jadi wakil rakyat pun, motokar mata bulat pun (Mercedes) boleh beli juga. Jadi, tak payahlah, saya pun nak berhenti dah...

"Jadi, saya harap walaupun saya berhenti, saya mintalah supaya sokongan terus diberi kepada pengganti saya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pengganti Abdullah," katanya.